

R B893 BAH  
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, PENDEKATAN BARU PERLU DIBENTUK BAGI MENGURANGKAN KERUGIAN KERAJAAN DALAM KEGIATAN EKONOMI MENERUSI PERUSAHAAN AWAM SERTA MENINGKATKAN PENYERTAAN LANGSUNG BUMIPUTERA DALAM SEKTOR EKONOMI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, DENGAN BERTAMBAHNYA BILANGAN PERUSAHAAN AWAM DALAM MASA YANG SINGKAT, KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGAWASI PRESTASI BADAN-BADAN ITU, SAMA ADA MEREKA MEMBANTU PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU (DEB) ATAU SEBALIKNYA.

DI SAMPING ITU, WALAUPUN BANYAK PERUSAHAAN AWAM YANG MEMBANTU, TETAPI BANYAK JUGA YANG MENJADI PENGHALANG KERANA MEREKA BERSAING DENGAN SYARIKAT BUMIPUTERA, DENGAN MENGGUNAKAN KEISTIMEWAAN MEREKA SEBAGAI BADAN MILIK KERAJAAN, KATANYA SEMASA MERASMIKAN SEMINAR +MASA DEPAN AGENSI PERUSAHAAN AWAM+, DI INTAN BUKIT KIARA, DI SINI HARI INI.

APABILA PUSAT PENGUMPULAN MAKLUMAT DITUBUHKAN, KERAJAAN MENDAPATI SEJUMLAH BADAN PERUSAHAAN AWAM MENGALAMI KERUGIAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, DAN MENAMBAH KATA, WALAUPUN BADAN-BADAN ITU MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB SOSIAL YANG BERAT, KERUGIAN ITU TIDAK BOLEH DIKETEPIKAN BEGITU SAHAJA.

BELIAU BERKATA, DARIPADA 1,000 BUAH PERUSAHAAN AWAM YANG ADA, 373 BUAH ATAU 39 PERATUS DARIPADA JUMLAH ITU MENANGGUNG KERUGIAN DANA, DAN KEBANYAKANNYA MASIH BEROPERASI. -- LAGI  
1330MST 17 03 90

R B894 BAH  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PADA MASA YANG SAMA, DEB BERJAYA MEWUJUDKAN SEBILANGAN PENIAGA DAN USAHAWAN BUMIPUTERA YANG BENAR-BENAR MAMPU DAN CEKAP DALAM MENTADBIRKAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN SYARIKAT MEREKA.

MEMANDANGKAN LEBIH RAMAINYA BUMIPUTERA PERSEORANGAN YANG BERSEDIA DAN BERUPAYA MEMASUKI BIDANG PERUSAHAAN SEKARANG, DAN TERDAPATNYA KERUGIAN BESAR YANG DIALAMI OLEH SEBILANGAN BESAR PERUSAHAAN AWAM, MAKA KERAJAAN MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENSWASTAKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN AWAM YANG MUNGKIN LEBIH BERKESAN JIKA DISWASTAKAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEBERAPA BOLEH HENDAKLAH MENGHADKAN PERANANNYA KEPADA TUGAS ASAL IAITU MENGAWASI KESELAMATAN DAN KEAMANAN NEGARA MELALUI UNDANG-UNDANG DAN PELBAGAI BENTUK PERKHIDMATAN PENYELIAAN.

BELIAU BERKATA, +KETIDAKADILAN DAN PENINDASAN YANG MUNGKIN BERLAKU DALAM SISTEM PASARAN BEBAS BOLEH DIBENDUNG OLEH SISTEM KERAJAAN YANG DEMOKRATIK,+ DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KATANYA, HUBUNGAN ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA JUGA BOLEH DIAWASI MELALUI PENYELIAAN DAN PENGUATKUASAAN DASAR-DASAR DAN SISTEM PERUNDANGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN YAKIN LAMBAT-LAUN MATLAMAT DEB AKAN DAPAT DICAPAI WALAUPUN PERANAN EKONOMI PERUSAHAAN AWAM DIKURANGKAN DENGAN MENGGALAKKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM KEGIATAN ITU. -- LAGI  
1337MST 17 03 90

R- B895 BAH  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, PERUSAHAAN AWAM DITUBUHKAN HANYALAH SEBAGAI ALAT UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DEB DALAM MEMBANTU BUMIPUTERA MEMBABITKAN DIRI DENGAN BERKESAN DALAM BIDANG PERUSAHAAN MENERUSI PEMILIKAN SAHAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEMILIKAN PERUSAHAAN OLEH PERUSAHAAN AWAM MUNGKIN MENAMBAH PERATUSAN EKUITI BUMIPUTERA, BAGAIMANAPUN EKUITI DALAM PERUSAHAAN YANG SENTIASA RUGI TIDAK MEMBAWA SEBARANG KEBAIKAN SEBALIKNYA AKAN MENYULITKAN MEREKA YANG TERBABIT.

+TUJUAN MEMBELI SAHAM IALAH UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN ATAU MENIKMATI KENAIKAN HARGA SAHAM. SAHAM YANG TIDAK MENDATANGKAN KEUNTUNGAN TIDAK MEMBERI APA-APA MAKNA DAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERUSAHAAN YANG SENTIASA RUGI JUGA TIDAK ADA FAEDAHNYA,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA, PROSES PENSWASTAAN TIDAK BERMAKNA PERUSAHAAN AWAM TERLEPAS DARIPADA MATLAMAT DASAR ITU (DEB), IAITU TIDAK MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI BADAN AMANAH BUMIPUTERA.

SELAIN DARIPADA INDIVIDU BUMIPUTERA ATAU SYARIKAT BUMIPUTERA YANG BOLEH MENGAMBIL ALIH PERUSAHAAN AWAM, BADAN-BADAN AMANAH SEPERTI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) JUGA BERPELUANG UNTUK MENGAMBIL ALIH. -- LAGI

1344MST 17 03 90

R B896 BAH  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, YANG MENJADI MASALAH IALAH BUKAN PEMINDAHAN SAHAM, TETAPI KEJAYAAN BADAN-BADAN INI SETELAH DIPINDAHMILIK DAN JIKA BADAN-BADAN INI SELALU RUGI, MAKA BADAN-BADAN ITU AKAN DIJUAL KEPADA PIHAK LAIN.

+AMATLAH MENEGECEWAKAN JIKA SETELAH DIJUAL, BADAN-BADAN INI DAPAT DIPULIHKAN DAN MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA TUAN PUNYA YANG BARU. SEBAB ITULAH PENGURUSAN, SELEPAS PERUSAHAAN AWAM TERTENTU DISWASTAKAN HENDAKLAH CEKAP SUPAYA BADAN-BADAN BERKENAAN TIDAK AKAN TERLEPAS KE TANGAN PIHAK LAIN DAN AKHIRNYA MENGGAGALKAN DEB,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TEORI DAN SISTEM, BAGAIMANA BAIK SEKALIPUN TIDAK BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN KERANA FAKTOR UTAMA KEJAYAAN IALAH KECEKAPAN MANUSIA ITU SENDIRI YANG MENGAMALKAN SISTEM TERSEBUT.

NEGARA KOMUNIS MENGGUGURKAN SISTEM BERKENAAN KERANA MEREKA TIDAK BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN DALAM BIDANG EKONOMI, MAHUPUN DALAM BIDANG POLITIK ATAUPUN KEADILAN, DAN BERALIH MENGAMALKAN SISTEM PASARAN BEBAS.

MAJLIS PERASMIAN PAGI INI TERLEWAT DUA JAM DARIPADA ATURCARA YANG DITETAPKAN AKIBAT GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK. GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK ITU JUGA MENYEBABKAN PERDANA MENTERI TERPAKSA BERUCAP DI LUAR DEWAN. -- BERNAMA

1344MST 17 03 90